

26/05/2001

Penangguhan, pembatalan monopoli kantin amat wajar

1,000 syarikat kemungkinan gulung tikar, demikian antara tajuk akhbar pada akhir Februari tahun lalu ketika ura-ura penswastaan kontrak membekalkan makanan ke lebih 900 sekolah berasrama penuh dan harian di negara ini yang bernilai kira-kira RM300 juta mula dihidu. Sekurang-kurangnya 6,000 pekerja turut dikhuatiri hilang mata pencarian sekiranya kerajaan memilih untuk melaksanakan langkah berkenaan. Kalangan tertentu mungkin mempertikaikan angka itu sebagai diperbesar-besarkan, namun kesannya kepada sebilangan besar syarikat serta pekerja terbabit tidak juga dapat dinafikan. Meskipun isu itu kemudian reda tanpa sebarang kepastian terhadap pelaksanaannya, kebimbangan syarikat terbabit yang seakan-akan menanti masa untuk ditamatkan kontrak masing-masing, berlarutan hingga kini.

Seawal 1999 lagi, Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (EPU) dilaporkan bersetuju supaya Mas Catering-Advent-TNTC Sdn Bhd (Masat) diberikan hak sebagai projek perintis untuk membekalkan makanan ke asrama penuh di Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pahang dan Terengganu, manakala Besta Distributors Berhad bagi Perak, Selangor dan Kuala Lumpur. Bagaimanapun, keputusan itu dibantah oleh Gabungan Konsortium Pembekal Makanan Bermasak (GKPMB) yang menghantar memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dengan menyifatkan keputusan berkenaan tidak wajar kerana ia menutup peluang perniagaan syarikat Bumiputera. GPKMB turut mempertikaikan kontrak itu yang ditawarkan bagi tempoh 10 tahun pada harga RM9.96 seorang sehari berbanding RM5 seorang sehari, dengan kenaikan empat peratus setahun.

Kita tidak nampak di mana logiknya sebarang keputusan untuk memberi monopoli kontrak berkenaan kepada dua syarikat terbabit. Kalau pun tahap kebersihan serta mutu makanan yang dibekalkan dapat sedikit dipertingkatkan, kosnya yang lebih mahal sehingga sekali ganda tentunya membebankan pelajar, apatah lagi ibu bapa mereka. Lagipun, penswastaan kontrak berkenaan tidak akan dilihat sebagai berkesan sekiranya ramai pembekal kecil Bumiputera yang terpaksa gulung tikar atau terjejas mata pencarian hingga mereka menyalahkan kerajaan pula. Daripada menutup peluang mereka, pembekal kecil Bumiputera ini sewajarnya dibantu dan diberikan pembelaan agar mereka dapat turut menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Dalam hubungan ini, sebarang penangguhan atau pembatalan kontrak penswastaan berkenaan adalah sesuatu yang amat wajar.

Malah, keputusan berkenaan mungkin dilihat sebagai `mercu tanda' dalam perubahan keutamaan berhubung pemberian kontrak kerajaan. Berbanding amalan masa lalu yang menyaksikan projek tertentu diberikan kepada hanya segelintir syarikat besar atau individu, rentetan kegagalan yang dialami mereka menuntut pertimbangan semula. Harapan untuk melihat syarikat besar atau individu berkenaan dapat mengagihkan limpahan keuntungan masing-masing bagi manfaat usahawan kecil Bumiputera, jelas tersasar. Malah, dalam kebanyakan keadaan, bukan saja usahawan kecil Bumiputera tidak mendapat bahagian masing-masing, sebaliknya syarikat besar yang diberi monopoli kontrak berkesudahan dengan kerugian.

(END)